



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA **KPWKM**

LAPORAN HARIAN SELASA, 3 JUN 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	UNDANG-UNDANG FOKUS PERANAN IBU BAPA, CEGAH PENDERAAN KANAK-KANAK AKAN DITELITI		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/undang-undang-fokus-peranan-ibu-bapa-cegah-penderaan-kanak-kanak-akan-diteliti	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2429922	BERNAMA.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/02/undang-undang-berkaitan-penderaan-kanak-kanak-diteliti-semula-azalina/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.edisi9.com.my/2025/06/malaysia-tegas-lindungi-kanak-kanak-di-era-digital/	EDISI9.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/06/02/kerajaan-teliti-akta-fokus-peranan-ibu-bapa-cegah-dera-kanak-kanak	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1225596/kerajaan-teliti-undang-undang-fokus-peranan-ibu-bapa-cegah-penderaan-kanak?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/02/govt-reviewing-child-abuse-laws-with-focus-on-parents039-role-in-prevention	THESTAR.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/06/02/govt-reviewing-laws-focus-on-role-of-parents-to-prevent-child-abuse	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2429923	BERNAMA.COM	
2	TINGKAT KESEDARAN, TANGANI KES PENDERAAN KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2025/06/tingkat-kesedaran-tangani-kes-penderaan-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	22 TABIKA ORANG ASLI DAPAT INTERNET TAHUN DEPAN		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1225594/22-tabika-orang-asli-dapat-internet-tahun-depan?source=widget	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	LAPAN BERANAK TINGGAL DALAM PONDOK DI HUTAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1403629/lapan-beranak-tinggal-dalam-pondok-di-hutan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/731821/edisi/terengganu/pondok-jadi-tempat-berlindung-lapan-beranak#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/06/1225648/maafkan-ayah-mak-tak-mampu-sediakan-kediaman-selesa	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	USIA 35 TAHUN MASIH DIDUKUNG		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/731845/edisi/kelantan/usia-35-tahun-masih-didukung	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	'KAMI KELUARGA TERPILIH DIUJI ALLAH, 3 DARIPADA KAMI MENGHIDAP KANSER ...'		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1403740/kami-keluarga-terpilih-diuji-allah-3-daripada-kami-menghidap-kanser	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	TEMPURUNG KEPALA DIBUANG, LEHER DITEBUK		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/02/tempurung-kepala-dibuang-leher-ditebuk/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	WANITA OKU HILANG DI PUSAT BELI-BELAH SEJAK JUMAAT		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/02/wanita-okuk hilang-di-pusat-beli-belah-sejak-jumaat/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/731842/berita/semasa/wanita-okuk hilang-selepas-keluar-dari-pusat-beli-belah	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	WANITA TRAUMA DICABUL RAKAN SERUMAH		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/wanita-trauma-dicabul-rakan-serumah/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-dicabul-rakan-serumah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1225701/detik-hitam-wanita-dicabul-rakan-serumah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/06/1225001/woman-molested-housemate-while-asleep-cheras-condo	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PEMUDA DISYAKI CABUL BUDAK 9 TAHUN DIREMAN 7 HARI		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/06/1403666/pe-muda-disyaki-cabul-budak-9-tahun-direman-7-hari?source=widget	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/02/adik-9-tahun-mengadu-disentuh-kawan-abang-ketika-melepak/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/06/02/pemuda-disyaki-cabul-adik-rakan-9-tahun-ketika-lepak-di-rumah/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	WANITA DIREMAN KERANA UGUT, SEBAR GAMBAR BOGEL MADU		NEUTRAL
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/wanita-direman-kerana-ugut-sebar-gambar-bogel-madu/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/wanita-direman-disyaki-ugut-sebar-gambar-bogel-madu/	UTUSAN.COM.MY	
	https://ohmedia.my/ohtidak/disyaki-sebar-gambar-bogel-cikgu-wanita-ini-terpaksa-tidur-lokap-dua-hari/	OHMEDIA.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/06/1403687/wanita-ugut-sebar-gambar-bogel-cikgu-yang-juga-madunya-direman	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/02/wanita-direman-sebar-gambar-tak-senonoh-cikgu/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/06/02/aksi-seksual-cikgu-tersebar-isteri-direman/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

3/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	WANITA TRAUMA DIAIBKAN DALAM LIVE TIKTOK		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1225684/wanita-trauma-diaibkan-dalam-live-tiktok	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-trauma-dimalukan-diperas-ugut-di-tiktok/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/06/1403702/wanita-trauma-dimalukan-menerusi-siaran-langsung-tiktok	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=22WLLGAE27U	YOUTUBE	
	https://www.sinarharian.com.my/article/731851/berita/semasa/polis-cari-dua-wanita-kes-ugutan-di-tiktok	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/02/woman-family-get-threatened-via-tiktok-livestream	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/06/1224965/cops-seeking-two-women-over-extortion-tiktok-defamation	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Undang-undang fokus peranan ibu bapa, cegah penderaan kanak-kanak akan diteliti

Nasional - Dipetik: 02 Jun 2025 12:44 PM



TASHKENT, 2 Jun – Kerajaan sedang meneliti semula peruntukan undang-undang sedia ada dalam usaha mencegah penderaan dan pengantunan kanak-kanak.

Langkah itu bagi memperkenalkan kewajipan lebih jelas kepada ibu bapa dan penjaga.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, ia termasuk cadangan pindaan yang mewajibkan pemantauan tingkah laku dalam talian anak-anak, serta penyertaan aktif dalam program kesedaran dan pendidikan keselamatan digital.

Beliau menyampaikan ucapan "Creating a Safer Digital Future: Malaysia's Legislative Approach to Online Child Protection" pada persidangan Tashkent Law Spring International Legal Forum 2025 di sini pada Ahad.

Beliau turut menegaskan kemajuan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI) membawa pelbagai manfaat kepada manusia, namun ia turut membuka ruang kepada pelbagai bentuk eksploitasi baharu terhadap kanak-kanak, khususnya dalam talian.

"Forum berprestij ini merupakan platform penting untuk Malaysia menzahirkan ilham dan komitmen dalam mendepani cabaran undang-undang global, khususnya berkaitan perlindungan kanak-kanak dalam era digital," kata Azalina dalam satu kenyataan.

Dalam majlis yang sama juga, satu Memorandum Ferselahaman (MoU) baharu selama 3 tahun telah di tandatangan bersama Menteri Keadilan Republik Uzbekistan Akbar Tashkulov.

Perjanjian itu mengenai pertukaran kepakaran perundangan, kerjasama dalam pembahasan institusi keadilan, serta pengukuhan kapasiti sistem kehakiman kedua-dua negara.

Selain itu, Azalina sempat bertemu Menteri Keadilan dan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Kabinet Qatar, Ibrahim bin Ali bin Issa Al Hassan Al Mohannadi, dalam membuka lembaran baharu kerjasama strategik antara Malaysia dengan Qatar.

Dalam lawatannya, beliau turut menerima kunjungan Ketua Bahagian dan Kaunselor Kanak, Direktorat Tadbir Urus Awam, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), Dr. Tatyana Teplova, bagi kerjasama strategik untuk mempertingkatkan tadbir urus digital negara.

HUR ZAH LITANA AZM
UTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22 Tabika Orang Asli dapat internet tahun depan

Paya Linda Yahya
am@berita.com.my



SAPIAH (kiri) bersama ADUN Nenggiri, Mohd Azeawi (tengah), bersama Tabika Kemas di Kuala Wood. FOTO: Paya Linda Yahya

Gua Musang: Sebanyak 22 Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di Kelantan dan Terengganu di kawasan penempatan Orang Asli bakal menerima kemudahan internet bermula tahun depan.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Datuk Sapiah Mohd Nor berkata, pihaknya sudah mengenal pasti 20 Tabika Kemas di Kelantan dan dua di Terengganu untuk menerima kemudahan internet bagi membantu pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli.

Menurutnya, JAKOA menyahut seruan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk mendigitalkan semua premis Tabika di perkampungan masyarakat Orang Asli.

"Di peringkat kementerian kami sudah ada perancangan bagi menyediakan kemudahan internet bagi semua premis tadika di perkampungan Orang Asli bermula tahun hadapan.

"Insya-Allah kita tengok dan kenal pasti serta dapat sediakan berdasarkan peruntukan di bawah JAKOA," katanya ketika ditemui pada Program Mesra Rakyat di Kuala Wood, di sini, semalam.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) itu turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Mahkamah Gua Musang, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) serta Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri.

Menurutnya, perancangan strategik itu akan berlangsung selama lima tahun dan turut mendapat kerjasama daripada Kemas.

"Projek ini akan memberi manfaat kepada ramai anak Orang Asli terutama yang tinggal jauh di kawasan pedalaman.

"Kita juga sedang bekerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kemas untuk melihat di mana perlu kita beri keutamaan dulu. Internet adalah menjadi keperluan terutama di kawasan pedalaman.

"Insya-Allah saya bersama Ketua Pengarah Kemas, Datuk Mohd Hanafiah Man, akan melihat keutamaan dan kita kan mulakan dengan kawasan paling sukar," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lapan beranak tinggal dalam pondok di hutan

oleh Hafizwan Bakar - Jul 5, 2023 @ 11:13pm



Keluarga Mat Nasir mendiami pondok kecil sekejap Mac lalu. - Foto: simeyaburhan.com

KUALA BERANG: "Madan ayah dan mak kerana tak mampu sedakan rumah selesa untuk anak-anak."

Domikan hutan Mat Nasir (mal), 48, dari Kampung Paya Besar, di sini yang mempunyai impian menyediakan kediaman lebih selesa buat lapan, lima anak bersewa antara 11 dan 22 tahun serta seorang menantu.

Kesempitan hidup sehingga tidak mampu membayar sewa rumah menyebabkan Mat Nasir dan isteri, Masliah Masari, 47, mendakwa anaknya termasuk seorang anak Orang Kurang Upaya (OKU) tinggal dalam sebuah pondok di kawasan hutan di kampung itu sejak Mac lalu.

Mereka mendiami pondok bersaiz kira-kira tiga meter panjang kali 1.52 meter lebar tanpa dinding serta hanya beralaskan ameyan nipis.

Mat Nasir turut membina satu lagi pondok meter menggunakan bahan buangan untuk dijadikan dapur dan tempat tidur anak serta menantunya, Nur Syazwani Nazeah Mohd Zahri, 19.

Mat Nasir yang mengandoli upah meracun dan memburu kebun penduduk dengan pendapatan kira-kira RM600 sebulan sudah 20 kali berpindah kerana tidak mampu membayar sewa rumah sebanyak RM400 sebulan.

"Walaupun pondok didiami tidak mempunyai kemudahan asas seperti elektrik dan air selain ancaman banjir terutamanya air kami redi disebabkan tidak berkemampuan membayar sewa rumah," katanya.

Mat Nasir mengakui terbelah dengan ancaman bencana termasuk banjir, lipan dan jengking terutama malam.

"Kami hampir dibeli utar sawa ketika suba membuka tiam dan mendirikan khemah kecil untuk tidur, namun kami bersedih baik kerana anak (Muhammad Hafisuddin, 22) pedas," katanya.

Mat Nasir berkata, air sungai yang terletak kira-kira 150 meter daripada pondoknya digunakan untuk mencuci, memasak dan mandi.

"Walaupun menggunakan mesin untuk menyedut air sungai ke tangki hasil sumbangan seorang individu, kami perlu mengambil air menggunakan tong terutama apabila mesin rosak," katanya yang menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM700 sebulan dan bantuan cara diri sebanyak RM1,800 setahun daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MADAM).

Katanya, wang itu digunakan untuk membeli bekalan seperti simen dan batu bata bagi membina kediaman secara bersewar:

Bantuan itu juga digunakan untuk membayar persekolahan dua anak, Muhammad Ramadan, 13, dan Muhammad Aymul Muhsin, 11, masing-masing belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Berang dan Sekolah Kebangsaan (SK) Tengku Ampuan Jahan.

"Kami juga ada membuat permohonan untuk membina dan menyiapkan kediaman, tetapi tidak diwujudkan," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Penyelaras Dewan Undangan negeri (DUN) Kuala Berang, Mohd Sapawi Shamsuddin, berkata Mat Nasir dan keluarganya ditawarkan tinggal di bangunan Orang Kurang Upaya (OKU) secara percuma sementara mendapatkan bantuan kediaman sedang diusahakan.

"Kita sudah menghiduungi Ketua Urusetta DUN Kuala Berang, Jalaluddin Ismail dan beliau bersewaga menyediakan penginapan percuma kepada Mat Nasir di bangunan OKU," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Usia 35 tahun masih didukung



HAZELI LANA KAMARUDIN [Follow](#)

02 Jun 2025 11:49pm



Mat Jusoh berharap jika ada pihak yang sudi membantu Siti Nur Samizi dengan membuat atau menyumbangkan sebuah kereta sorong khas bagi memudahkannya untuk mereka membawa gadis tersebut ke sana sini.

TUMPAT - Usianya sudah mencecah 35 tahun, namun Siti Nur Samizi Mat Jusoh masih perlu didukung oleh ayah dan ibunya yang berusia 67 tahun untuk ke mana-mana selepas mengalami kecacatan kekal sejak berumur enam bulan.

Semua itu berlaku selepas anak keempat daripada lima beradik dari Kampung Bendang Pak Yong ini mengalami demam panas menyebabkan gadis berkenaan perlu dijaga seperti anak kecil oleh kedua ibu bapanya, Mat Jusoh Mat Sin dan Siti Timah Yasak.

Menurut Mat Jusoh, dengan berat badan mencecah hampir 35 kilogram, ia tidak menjadi masalah buatnya untuk mendukung anak perempuannya itu setiap kali ingin ke tandas atau bergerak di dalam rumah walaupun dia sendiri sudah berusia.

Warga emas yang bekerja sebagai petani itu berkata, yang menjadi halangan sekarang apabila isterinya sudah sukar untuk berbuat demikian untuk anak gadis mereka itu.

"Saya terpaksa keluar bekerja, tinggal isteri seorang di rumah menguruskan Siti Nur Samiza."

"Dia sudah tidak larat hendak mendukung atau mengangkatnya seorang diri."

"Setiap kali ingin membawanya ke tandas dia terpaksa meminta tolong jiran serta sanak saudara berhampiran. Hendak tunggu saya pulang kesian pada anak," katanya kepada Sinar Harian pada Isnin.



Usianya sudah mencecah 35 tahun, namun Siti Nur Samizi Mat Jusoh masih perlu didukung oleh ayah dan ibunya yang berusia 67 tahun untuk ke mana-mana selepas mengalami kecacatan kekal sejak berumur enam bulan.

Dia memberitahu, sebagai ibu bapa walaupun keadaan anaknya tidak sempurna namun ingin memberikan yang terbaik walaupun mereka sendiri sudah tidak larat dari segi kudrat.

Ujarnya, anak-anak lain sudah berumah tangga dan tinggal berjauhan.

Mat Jusoh berharap jika ada pihak yang sudi membantu Siti Nur Samizi dengan membuat atau menyumbangkan sebuah kereta sorong khas bagi memudahkan untuk mereka membawa gadis tersebut ke sana sini.

"Setakat ini dengan bantuan bulanan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) sebanyak RM500 hanya cukup untuk keperluan lampin pakai buang, susu khas serta makanan lain dan ubat-ubatan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Kami keluarga terpilih diuji Allah, 3 daripada kami menghidap kanser ...'

Deh Nany Starline Asia - Jan 9, 2025 @ 5:31pm



Mohd Hanafi (tengah) menunjukkan gambar Al-Biqayah Maimunah yang juga pesakit kanser usus semasa diwawancara ahli keluarganya. NSTP/ibory Victoria Dasa

JOHOR BAHRU: Ujian dihadapi seorang ibu bukan saja kehilangan anak sulung perempuan akibat kanser, bahkan dia kini bersama anak kedua turut diuji penyakit sama.

Maimunah Saorah, 68, berkata selepas dia didiagnosis kanser usus pada 15 tahun lalu, anak lelaki keduanya, Mohd Hanafi Bukhini, 44, pula disahkan menghidap penyakit sama 12 tahun lalu, diikuti anak sulung perempuan, Maimunah, 46, pada 10 tahun lalu.

Bagaimanapun, beliau berkata, Maimunah meninggal dunia pada 25 Mei lalu selepas kira-kira dua minggu menerima rawatan di Hospital Sultan Ismail (HIS) akibat tahap kesihatan yang semakin merosot.

Katanya, dia dan dua anaknya itu pernah berdepan pelbagai cabaran serta dugaan selepas didiagnosis beraib.

'Kami bertiga termasuk arwah pernah menjalani rawatan kemoterapi, pembedahan penubungkan usus dan Mohd Hanafi pula terpaksa menggunakan beg stoma selepas usus besarnya dibuang.'

'Bagaimanapun, Mohd Hanafi masih bekerja di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan dia turut mengazahkan gerai burger pada waktu malam bagi mencari pendapatan tambahan.'

'Sebelum ini, Mohd Hanafi turut menyara arwah Maimunah selepas dia hilang upaya untuk bekerja dan terpaksa berpindah dari Melaka ke kediaman kami di Taman Desa Jaya.'

'Mohd Hanafi mengakui dia pinali kerana turut menghidap kanser, malah kami berdua juga perlu berulang-alik ke hospital bagi rawatan dan pemeriksaan berkala untuk memastikan sel kanser tidak merembak,' katanya.

Sementara itu, Mohd Hanafi berkata, dia turut menanggung lelak, tiga anak berusia 16 hingga 21 tahun termasuk dua belia di universiti, selain bapa serta adik orang kurang upaya (OKU).

Beliau berkata, bapanya, Mohd Bukhini, 67, adalah pesakit jantung dan memerlukan prosedur angioplasti dengan pemasangan stent jantung bagi melancarkan pedaran darah.

Katanya, adik lelakinya, Mohd Faizal, 30, yang juga OKU masalah pendengaran terlibat dalam kemalangan hingga mengalami patah kaki.

'Sebelum ini, Mohd Faizal boleh bekerja, namun kini dia masih dalam proses penyembuhan.'

'Memang dugaan saya berat dan keluarga kami dipilih Allah untuk melalui ujian ini.'

Apa pun saya bersyukur kerana masih kuat untuk melawan penyakit ini dan dikumakan isteri yang memahami situasi keluarga serta sentiasa memberi jagaan kepada ahli keluarga yang sakit,' katanya.

Mohd Hanafi berkata, gajinya kira-kira RM2,000 digunakan bagi sebahagian pertubungkan dopat, persediaan anak dan keperluan ibu.

'Pendapatan tidak mencukupi, jadi saya menjual burger pada waktu malam walaupun tubuh penat.'

'Sua masa ini hanya ibu meneri ma bantuan am daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah RM500 dan ia digunakan bagi membeli susu khas diayunkan doktor.'

'Kami hanya membeli barang dapur sedikit demi sedikit,' katanya.

Orang ramai yang ingin meringankan beban keluarga Mohd Hanafi boleh menyokong sumbangan ke akaun Bank Rakyat miliknya iaitu 220471138485.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tempurung kepala dibuang, leher ditebuk

Dari MOHAMED MOHD ATAR 2 Jun 2025, 8:35 am



MUHAMMAD IZAN membantu menguruskan Iwan yang hanya terantar di atas katil di rumah mereka di Kampung Putu, Lipis sejak enam tahun lalu selepas terlibat kemalangan jalan raya.

LPS – Seorang pemuda di Kampung Putu, Kerambit, dekat sini terpaksa bergantung sepenuhnya kepada ahli keluarga selepas tempurung kepalanya terpaksa dibuang akibat terlibat kemalangan jalan raya enam tahun lalu.

Muhammad Izan Syafar Mohamad Izan, 25, yang ketika itu merupakan pelajar GiatMARA Jerantut juga terpaksa menghabiskan sepenuh masanya dengan hanya terantar di atas katil.

Bapanya, Mohamad Izzat Mohd Razi, 48, berkata, selain tempurung kepala terpaksa dibuang, anaknya juga mengalami kesukaran bernafas hingga memerlukan prosedur tebuk di bahagian leher.

"Iwan terlibat dalam nahas bersama tiga rakannya ketika keluar membeli barang dapur. Malang tidak berbau apabila kereta yang mereka naki terbabas lalu merempuh tiang elektrik.

"Kejadian tragis itu mengakibatkan salah seorang rakannya, manakala Iwan mengalami kecederaan serius di bahagian kepala," katanya di Kampung Putu, Kerambit di sini, baru-baru ini.

Mohamad Izan berkata, Iwan yang juga anak sulung daripada tiga beradik kemudian dirawat selama sebulan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan.

"Kini sudah masuk enam tahun Iwan terantar, selain tidak lagi mampu menguruskan diri sendiri, dia juga hanya boleh menerima susu khas yang disalurkan melalui hidung.

"Tahap kesihatan Iwan juga tidak menentu kerana dia sering diserang sawan menyebabkannya perlu berulang-alik ke Hospital Kuala Lipis bagi mendapatkan rawatan," katanya.

Mohamad Izan berkata, perbelanjaan yang tinggi juga diperlukan untuk rawatan anaknya termasuk membeli susu khas yang berharga RM101 setin yang bertahan dua hari sahaja dan memerlukan sekurang-kurangnya 15 tin setiap bulan.

Dia yang tidak lagi bekerja akibat komplikasi penyakit kencing manis berkata, segala keperluan dan perbelanjaan keluarga kini bergantung sepenuhnya pada anak keduanya, Muhammad Afzal Iqbal, 21, yang bekerja sebagai penghantar barang.

"Iwan menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan dan bantuan lampin pakai buang bernilai RM200 daripada Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP), namun ia masih belum mencukupi," ujarnya.

Dalam pada itu, mereka yang ingin membantu boleh menghubungi talian **010-9061343** atau menyokong sumbangan ke akaun Public Bank **6929816820** (Mohamad Izan).

LAPORAN • PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

Wanita OKU hilang di pusat beli-belah sejak Jumaat

OKU: AZUL, RASHID AZUL, RAHMAN 2 Jun 2025, 3:55 pm



Normazlan Izzati

KUANTAN – Seorang wanita orang kurang upaya (OKU) dilaporkan hilang ketika keluar ke sebuah pusat beli-belah bersama ibu angkatnya di sini semalam.

Mangsa Norlyana Izzati Normazlan, 28, yang merupakan OKU lembam disyaki mengikut seorang lelaki di pusat beli-belah berkenaan.

Kehilangan mangsa disedari ibu angkatnya berusia 51 tahun yang ketika itu menyertai acara jualan di pusat beli-belah berkenaan.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, mangsa yang mengikut ibu angkatnya sejak Jumaat lalu kali terakhir dilihat kira-kira pukul 2 petang di sekitar pentas ruang legar pusat beli-belah itu.

"Mangsa dipercayai keluar bersama seorang lelaki yang tidak dikenali dengan berjalan kaki dan tidak pulang ke rumah.

"Usaha mencari dan mengesan mangsa dilakukan pengadu bersama rakan niaga, namun wanita itu gagal ditemui," katanya di sini hari ini.

Katanya, susulan kehilangan mangsa, ibu angkat mangsa tampil membuat laporan polis kerana bimbang keselamatan wanita terbabit.

Menurut Wan Mohd Zahari mangsa bertubuh sederhana dengan ketinggian kira-kira 1.5 meter.

"Kali terakhir wanita itu dilihat memakai baju paras lutut berwarna biru gelap dengan corak batik, seluar dan tudung hitam.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat atau ternampak wanita itu diminta menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan atau mana-mana balai polis berdekatan," ujarnya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita trauma dicabul rakan serumah



Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM | 2 Jun 2025, 6:17 pm

PETALING JAYA: Seorang wanita dicabul rakan serumahnya di sebuah kondominium di Jalan Cheras dekat sini, Khamis lalu.

Difahamkan kejadian dipercayai berlaku kira-kira 2 pagi mangsa sedang tidur di dalam bilik sebelum menyedari beberapa bahagian badannya disentuh oleh suspek lelaki.

Sumber berkata, mangsa tersedar lalu mengambil telefon bimbitnya untuk menghubungi teman lelaki.

"Namun, lelaki itu dikatakan masih meneruskan perbuatannya menyebabkan mangsa bangun membuka lampu bilik dan suspek bertindak melarikan diri.

"Suspek kemudian mengirim *WhatsApp* meminta maaf kononnya tersalah masuk bilik," katanya.

Menurutnya, mangsa yang tidak puas hati dan bimbang kejadian berulang tampil membuat laporan polis pada hari sama.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Cheras Asisten Komisioner Aidli Bolhassan ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian.

Bellau berkata, kes disiasat oleh Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (DII). – [UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pemuda disyaki cabul budak 9 tahun direman 7 hari

Oleh Meor Ridwan Meor Ahmad - Jun 2, 2023 @ 2:44pm



GAMBAR hiasan

MELAKA: Pembantu kedai makan direman tujuh hari disyaki mencabul kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun yang juga adik rakannya, Sabtu lalu.

Perintah reman terhadap lelaki berusia 21 tahun itu dikeluarkan Majistret Nurul Asyikin Rosli bermula hari ini sehingga 8 selepas bagi melengkapkan siasatan kes mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017.

Menurut sumber, kejadian terbongkar selepas mangsa menceritakan kejadian itu kepada ibunya yang juga pengadu ketika berada di rumah mereka di sebuah pangsupuri di Ayer Keroh, kira-kira 6.30 pagi semalam.

Katanya, mangsa mendakwa suspek memegang kemaluannya selain menyuruh kanak-kanak itu memegang kemaluannya.

"Pengadu berusia 40 tahun itu kemudian bertanyakan perkara itu kepada suspek yang juga kawan anak lelakinya.

"Suspek mengaku melakukan perbuatan itu ketika berada bersama mangsa di ruang tamu rumahnya sebelum wanita itu membuat laporan polis di Balai Polis Ayer Keroh jam 3 petang semalam," katanya di sini hari ini.

Menurut sumber, siasatan awal polis mendapati kejadian dipercayai berlaku pada malam 31 Mei lalu ketika anak lelaki pengadu berusia 16 tahun membawa suspek ke rumah untuk melepak bersama-sama kira-kira jam 8 malam.

"Kira-kira jam 9.30 malam anak lelaki pengadu keluar ke pasar malam di bandar Melaka dan meninggalkan mangsa bersama abangnya dan suspek.

"Abangnya juga keluar selepas itu dan meninggalkan suspek dengan adik perempuan mereka dan kejadian amang seksual dipercayai berlaku selepas itu," katanya.

Katanya, mangsa dibawa untuk pemeriksaan di Hospital Melaka.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita direman kerana ugut, sebar gambar bogel madu

02 Jun 2025, 3:44pm



Seorang ejen pelaburan direman dua hari bagi membantu siasatan kerana disyaki mengugut dan menyebarkan gambar bogel guru wanita. - FOTO RSTP

MELAKA: Seorang ejen pelaburan direman dua hari bagi membantu siasatan kerana disyaki mengugut dan menyebarkan gambar bogel guru wanita yang juga madunya, Mac lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nurul Asyikin Rosli bermula hari ini bagi melengkapkan siasatan kes mengikut Seksyen 507 dan 509 Kanun Keseksaan.

Menurut sumber wanita berusia 53 tahun itu ditahan polis kira-kira jam 10.15 malam tadi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Sumber berkata, ibu kepada empat anak itu sebelum ini diklasifikasikan sebagai individu dikehendaki bagi siasatan kes itu susulan laporan dibuat madunya berusia 47 tahun yang juga guru di sebuah sekolah di Selangor.

"Guru terbabit terkejut apabila bapanya di Klebang memaklumkan menerima sepucuk surat daripada suspek berserta gambar bogel anak perempuannya itu dan menantunya.

"Berikutan bimbang gambar alibnya tersebar selain suspek sering mengganggu keluarganya, pengadu membuat laporan polis pada 27 Mac lalu," katanya.

Sumber berkata, wanita itu bercuti atas tajaan syarikatnya di Vienna, Austria dan ditahan seurus tiba di KLIA.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan dan penahanan suspek, namun tidak mengulas lanjut kerana kes masih dalam siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita trauma diaibkan dalam live TikTok

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my



GAMBAR Hiasan

Subang Jaya: Suri rumah kini trauma apabila bukan sahaja dimalukan dengan memburukkan keluarganya dalam siaran langsung di TikTok, malah turut diperas ugut RM10,000.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, kejadian disedari mangsa berusia 46 tahun ketika berada di rumahnya di Taman Puchong Perdana, Puchong, kelmarin.

Menurutnya, dalam kejadian jam 1 tengah hari, seorang wanita yang dikenali memburukkan keluarga mangsa dengan perkataan berbau ugutan terutama kepada adik lelaki dan adik perempuannya.

"Wanita berkenaan juga menunjukkan gambar adik lelaki dan adik perempuannya dalam siaran langsung TikTok itu sambil membuat tuduhan tidak berasas.

"Selepas siaran terbahit, mangsa menerima mesej WhatsApp dari nombor tidak dikenali menggugut mahu mencederakannya serta ahli keluarga.

"Suspek juga dikatakan pernah menghubungi adik mangsa untuk meminta hutang RM10,000 sedangkan adiknya menafikan pernah meminjam wang daripada wanita terbahit," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Wan Azlan berkata, hasil siasatan mendapati kejadian berlaku melalui siaran langsung di akaun TikTok wanita berusia 40-an yang dikenali mangsa bermula April lalu.

"Kejadian itu memberi tekanan kepada ahli keluarga mangsa kerana ditonton ramai pengikut suspek selain menerima mesej ugutan dari nombor tidak dikenali disyaki ada kaitan dengan siaran berkenaan.

"Suspek sudah dikenal pasti dan pihak polis sedang mengesannya untuk membantu siasatan Seksyen 384 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998," katanya.

